




# UiTM HARI INI DALAM SEJARAH

## 1 JANUARI 2003 & 2005

### PELANTIKAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UiTM KE-6 DAN KE-7

#### Pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM Ke-6


Pada 1 Januari 2003, YBhg. Tan Sri Nik Mohamed Yaacob telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM ke-6 menggantikan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad yang tamat tempoh pada 16 Oktober 2002. Beliau dilahirkan pada tahun 1949 di Kota Bahru, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sultan Ismail Putra School, Kota Bharu Kelantan dan Malay College Kuala Kangsar. Beliau adalah pemegang Sarjana Muda Kejuruteraan, Monash University dan MBA dari Institut Pengurusan Asia, Manila, Philipina. Beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard University, Amerika Syarikat.



YBhg. Tan Sri Nik Mohamed Yaacob

#### Pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM Ke-7

Pada 1 Januari 2005, YBhg. Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM ke-7 menggantikan YBhg. Tan Sri Nik Mohamed Yaacob yang tamat tempoh pada 31 Disember 2004. Beliau dilahirkan pada 28 April 1940 di Taiping, Perak. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sosiologi dan Antropologi dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana dalam Pembangunan Pendidikan dari Universiti Stanford, California, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi dan Pendidikan dari University of California, Berkeley, California, Amerika Syarikat. Beliau mengambil kursus Pengurusan Perniagaan di bawah Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat.



YBhg. Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid  
Mohd Noordin

#### Sumber:

- Informasi UiTM Bil. 8 Disember 2002 – Mac 2003
- Informasi UiTM Bil. 7(10 November 2006)
- Berita Library & Infolink Service
- Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-54